



PEKELILING MAJIKAN BIL. 8/2003
PEMBAYARAN GERAN LATIHAN MELALUI SISTEM E-PAYMENT

1. TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini ialah untuk mendapatkan persetujuan majikan dan penyedia latihan mengenai bayaran geran latihan melalui sistem *e-payment*.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pada ketika ini, pembayaran geran latihan kepada majikan dan penyedia latihan dibuat melalui cek. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan ICT, PSMB akan menambahkan satu lagi cara pembayaran geran latihan iaitu secara elektronik di bawah sistem e-payment.

2.2 Pembayaran melalui sistem e-payment mempunyai tiga kelebihan iaitu:

(i) majikan atau penyedia latihan mendapat bayaran geran latihan dengan cepat. Cara ini membantu majikan dan penyedia latihan dari segi aliran tunai mereka.

(ii) isu cek tamat tempoh juga dapat dihindarkan.

(iii) bayaran geran latihan adalah terjamin dan isu cek tidak diterima atau hilang semasa dalam perjalanan pos dapat dielakkan.

3. MEKANISME BAYARAN

3.1 Cara bayaran di bawah sistem e-payment adalah dengan mengkreditkan terus amaun geran latihan yang diluluskan ke dalam akaun bank majikan atau penyedia latihan. Walau bagaimanapun, sebelum sistem ini dapat dilaksanakan, setiap majikan atau penyedia latihan yang bersetuju untuk menerima bayaran di bawah sistem e-payment ini perlu mengesahkan persetujuan mereka dengan mengisi dan mengembalikan Borang Persetujuan seperti di [Lampiran A](#). Borang Persetujuan ini juga perlu lengkap diisi dengan nama majikan/penyedia latihan seperti yang terdapat pada akaun bank, nama bank, cawangan dan nombor akaun. Hanya Ketua Eksekutif/ Pengarah Urusan atau Pengarah/Pengurus Besar Kewangan sahaja yang layak untuk menandatangani Borang Persetujuan ini. Pegawai lain tidak dibenarkan dan PSMB berhak untuk menolak Borang Persetujuan yang ditandatangani oleh pegawai-pegawai lain selain daripada Ketua Eksekutif/ Pengarah Urusan atau Pengarah/Pengurus Besar Kewangan. Maklumat pada Borang Persetujuan ini juga perlu disahkan oleh pegawai bank di mana akaun bank secara e-payment ini akan dibuat. Contoh pengisian Borang Persetujuan adalah seperti di [Lampiran B](#) dan [Lampiran C](#).

- 3.2 Majikan dan penyedia latihan yang mempunyai akaun semasa sahaja yang boleh menyertai skim bayaran sistem e-payment. Pemegang akaun simpanan tidak boleh menyertai skim bayaran ini. Selain daripada itu, majikan dan penyedia latihan yang mempunyai akaun bank di bawah Malaysian Electronic Payment System (MEPS) sahaja yang boleh dibenarkan. Majikan dan penyedia latihan yang mempunyai akaun dengan syarikat kewangan, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan bank asing tidak boleh sama sekali turut serta. Ini adalah kerana syarikat kewangan, BSN dan bank asing tidak diliputi di bawah inter-bank GIRO yang dikendalikan oleh MEPS.
- 3.3 Bagi majikan dan penyedia latihan yang mempunyai akaun dengan Public Bank, caj sebanyak 50 sen bagi setiap transaksi bayaran akan ditolak daripada amaun geran latihan yang diluluskan untuk bayaran manakala bagi pemegang akaun MEPS pula, caj sebanyak RM2.00 bagi setiap transaksi bayaran akan ditolak. Kedua-dua caj sebanyak 50 sen dan RM2.00 ini adalah bayaran yang dikenakan oleh Public Bank dan pengendali MEPS dan bukannya oleh PSMB.
- 3.4 PSMB akan menghantar satu penyata bayaran pada setiap awal bulan bagi memaklumkan majikan dan penyedia latihan mengenai geran latihan yang telah dibayar kepada mereka untuk bulan sebelumnya.

4. PENUTUP

- 4.1 Sekiranya majikan dan penyedia latihan mempunyai sebarang pertanyaan mengenai sistem e-payment ini, pegawai PSMB yang boleh dihubungi untuk mendapatkan keterangan lanjut adalah:

(i) Haliza binti Hassan
(nombor telefon: 03 – 2098 4827); dan

(ii) Md. Sharizal bin Che Deris
(nombor telefon: 03 – 2098 4890).

Sekian, terima kasih

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN"

"BERSAMAMU MEMBINA DAYA SAING NEGARA"

Yang ikhlas,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

Pengurus Besar Kewangan

b.p. Ketua Eksekutif

Pembangunan Sumber Manusia Berhad



Important Note : Please attach photocopy of bank statement with this form

Lampiran A

PSMB/K/1/03

**BORANG PERSETUJUAN
UNTUK MENYERTAI SKIM BAYARAN
E-PAYMENT
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**

Borang ini perlu ditandatangani oleh Pengarah Urusan atau Pengarah Kewangan

1. Nama Majikan / Penyedia Latihan : _____
2. No. Kod Majikan :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--
3. No. Pendaftaran Penyedia Latihan:

--	--	--	--	--

Jika berkenaan
4. Nama Bank : _____
5. Cawangan : _____
6. Nama Majikan / Penyedia Latihan seperti di Akaun Bank : _____
7. No. Akaun Bank :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--
8. Jenis Akaun : * Akaun Semasa Akaun Simpanan

Saya mengesahkan persetujuan untuk menyertai Skim Bayaran *E-Payment* PSMB dan juga bersetuju dengan syarat-syarat yang dikenakan. Saya turut mengisytiharkan bahawa maklumat-maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul dan saya akan memaklumkan PSMB sekiranya terdapat perubahan.

NAMA : _____ TANDATANGAN : _____

JAWATAN / CAP SYARIKAT : _____ TARIKH : _____

PENGESAHAN OLEH BANK

Saya telah menyemak maklumat yang dinyatakan di atas dan mengesahkan bahawa ianya adalah betul dan benar.

Nama Pegawai Bank : _____ Tandatangan : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____



Cap bank

SYARAT :

Majikan dan Penyedia Latihan yang mempunyai akaun Public Bank akan dikenakan caj sebanyak 50 sen bagi setiap transaksi bayaran dan ianya akan ditolak daripada amaun geran latihan yang diluluskan untuk bayaran oleh PSMB. Bagi pemegang akaun MEPS, caj sebanyak RM2.00 akan dikenakan bagi setiap transaksi bayaran dan amaun ini juga akan ditolak daripada amaun geran latihan yang diluluskan untuk bayaran oleh PSMB.

Nota *:

1. Tandatangan mana yang berkenaan.
2. Sila kembalikan borang ini kepada :

Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad
Wisma PSMB
Jalan Beringin
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur.

PSMB/K/1/03

**BORANG PERSETUJUAN
UNTUK MENYERTAI SKIM BAYARAN
E-PAYMENT
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**

Borang ini perlu
ditandatangani
oleh Pengarah
Urusan atau
Pengarah
Kewangan

1. Nama majikan/penyedia latihan: Tioman Coral Beach Resort2. Kod majikan:

I	6	3	2	8	4	3	1	P
---	---	---	---	---	---	---	---	---

3. No. pendaftaran penyedia latihan:

--	--	--	--	--

*Jika berkenaan*4. Nama bank: Malayan Banking Berhad5. Cawangan: Pulau Tioman6. Nama majikan/penyedia latihan
seperti di akaun bank: Professional Hotel Management Sdn. Bhd.7. No. akaun bank:

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12			
---	---	---	---	---	---	---	---	---	----	----	----	--	--	--

8. Jenis akaun: * akaun semasa akaun simpanan

Saya mengesahkan persetujuan untuk menyertai skim bayaran *e-payment* PSMB dan juga bersetuju dengan syarat-syarat yang dikenakan. Saya turut mengisytiharkan bahawa maklumat-maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul dan saya akan memaklumkan PSMB sekiranya terdapat perubahan.

NAMA: George Lee Lien Tie TANDATANGAN: George

George Lee Lien Tie
Pengarah Urusan

Professional Hotel Management Sdn. Bhd.

JAWATAN/CAP SYARIKAT: _____ TARIKH: 26.10.2003

PENGESAHAN OLEH BANK

Saya telah menyemak maklumat yang dinyatakan di atas dan mengesahkan bahawa ianya adalah betul dan benar.

Nama pegawai bank: Ahmad bin Ali Tandatangan: Ahmad

Jawatan: Eksekutif (Kredit)
Malayan Banking Berhad

Tarikh: 24.10.2003


Cap bank

PSMB/K/1/03

**BORANG PERSETUJUAN
UNTUK MENYERTAI SKIM BAYARAN
E-PAYMENT
PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD**

Borang ini perlu
ditandatangani
oleh Pengarah
Urusan atau
Pengarah
Kewangan

1. Nama majikan/penyedia latihan: MISTY Institute2. Kod majikan:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

3. No. pendaftaran penyedia latihan:

A	9	9	9	
---	---	---	---	--

*Jika berkenaan*4. Nama bank: Public Bank Berhad5. Cawangan: Jalan Burmah, Pulau Pinang6. Nama majikan/penyedia latihan
seperti di akaun bank: Malaysian Inst. of Science & Technology Sdn. Bhd.7. No. akaun bank:

12	11	10	9	8	7	6	5	4	3	2	1			
----	----	----	---	---	---	---	---	---	---	---	---	--	--	--

8. Jenis akaun: * akaun semasa akaun simpanan

Saya mengesahkan persetujuan untuk menyertai skim bayaran *e-payment* PSMB dan juga bersetuju dengan syarat-syarat yang dikenakan. Saya turut mengisytiharkan bahawa maklumat-maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul dan saya akan memaklumkan PSMB sekiranya terdapat perubahan.

NAMA: Dr. Tengku Ali bin Tengku Ahmad TANDATANGAN: Ali

Dr. Tengku Ali bin Tengku Ahmad
Ketua Eksekutif

Malaysian Institute of Science & Technology Sdn. Bhd.

JAWATAN/CAP SYARIKAT: _____ TARIKH: 26.10.2003

PENGESAHAN OLEH BANK

Saya telah menyemak maklumat yang dinyatakan di atas dan mengesahkan bahawa ianya adalah betul dan benar.

Nama pegawai bank: Jonathan Lee Tandatangan: Jonathan

Jawatan: Pengurus Cawangan
 Public Bank Berhad

Tarikh: 24.10.2003


Cap bank